

# Pembabitan Petronas dalam sektor minyak tingkat kerjasama

BH 22 APR 2002

MANAMA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembabitan pertama Petronas dalam sektor minyak dan gas di Bahrain adalah pencapaian penting dalam hubungan kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, perjanjian kontrak pengeluaran bersama minyak untuk Blok IV dan Blok VI di pesisiran luar laut daripada kerajaan Bahrain awal November tahun lalu, merintis jalan kepada kerjasama lebih besar dalam pelaburan di Bahrain.

Beliau berkata, pemberian kontrak itu menunjukkan keyakinan kerajaan Bahrain terhadap keupayaan syarikat petroleum kebangsaan itu.

Katanya, syarikat minyak kebangsaan Bahrain BAPCO dan Petronas dijangka memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan dan berharap ia akan ditingkatkan dengan kehadiran Petronas di Bahrain.

“Pembukaan pejabat Petronas bukan saja akan meningkatkan imej Petronas tetapi Malaysia secara keseluruhan.

“Ia juga bukti komitmen Petronas dan Malaysia untuk berada di negara ini bagi jangka masa panjang,” katanya pada majlis perasmian Pejabat Petronas Bahrain di Menara Bank Kebangsaan Bahrain di sini, petang ini.

Turut hadir, Menteri Minyak Bahrain Shaikh Isa bin Ali Al Khalifa dan Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Pejabat Petronas itu akan mentadbir semua urusan berkaitan cari gali minyak dan operasi di negara itu.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan terus menyokong usaha sektor swasta melabur di Bahrain bagi mengukuhkan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

Nilai dagangan antara Malaysia dan Bahrain bagi tiga suku pertama tahun lalu adalah RM234.36 juta yang lebih berpihak kepada negara pulau itu.

Sementara itu, Hassan berkata, Petronas bercaudang menggerudi minyak dari telaga minyaknya yang pertama di luar pesisir Bahrain pada Oktober ini.